

# Calon nomad elak tanggungjawab

**KUALA LUMPUR 25 April** - Pengundi diminta tidak mudah terpengaruh dengan calon nomad yang diumumkan gabungan pembangkang PKR kerana pemimpin sedemikian mempunyai sikap suka melepaskan diri daripada tanggungjawab sehinggakan banyak masalah rakyat gagal diselesaikan.

Pensyarah Kanan dan Penganalisis Politik, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Anuar Shah Bali Mahomed berkata, sikap kerap berpindah lokasi menunjukkan mereka tidak menghiraukan nasib pengundi di kawasannya.

“Mereka sebenarnya hanya berpindah untuk meraih undi tetapi akan meninggalkannya selepas masyarakat mula menyedari mereka bukan pemimpin yang baik,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini,

Sementara itu, penganalisis sebuah firma penyelidikan politik, Dr. Ainul Adzellie Hasnul menyifatkan pemimpin yang mengamalkan budaya lompat kawasan sebagai tidak berprinsip dan tidak bermaruah kerana mudah meninggalkan pengundi mereka selepas dipilih untuk tempoh lima tahun lalu.

“Perkara ini dilakukan oleh anak-beranak Wan Azizah yang jelas menunjukkan mereka bukan pemimpin yang baik kerana ini adalah cubaan untuk lari daripada tanggungjawab yang sebelum ini dijanjikan kepada pengundi.

“Apa yang dilakukan oleh mereka jelas tidak bermoral dan sama sekali tidak menepati ciri-ciri wakil rakyat. Kenapa mereka mahu tinggalkan pengundi yang menyokong mereka sebelum ini?” soalnya.